

|                                                                                   |                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
|  | <b>POLISI TIADA HADIAH</b> |
| No. Dokumen                                                                       | LRT/IGU/0320/PPH(1.0)      |
| Tarikh Berkuatkuasa                                                               | 11 JANUARI 2021            |
| Tarikh Semakan                                                                    | N/A                        |

## 1.0 KENYATAAN POLISI

- 1.1 Ladang Rakyat Trengganu Sdn Bhd (*selepas ini disebut sebagai LRTSB*) komited dalam memastikan standard integriti, akauntabiliti dan profesionalisme tertinggi dalam menjalankan perniagaannya selaras dengan nilai-nilai teras LRTSB sepertimana berikut:-

### ***Lestari***

Pengurusan LRTSB komited dalam penanaman kelapa sawit secara Lestari.

### ***Responsif***

Sentiasa proaktif, kooperatif, kritis, suportif, peka terhadap situasi, keperluan dan tanggungjawab.

### ***Teguh***

Berpegang teguh kepada prinsip dan nilai-nilai islam dalam melaksanakan ‘good governance’

### ***Setia***

Melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen berdasarkan kepada visi dan misi serta berdaya tahan dan setia sepenuhnya

### ***Berpasukan***

Sepakat untuk bekerja secara berpasukan, menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama dan perkongsian visi dalam suasana interaksi yang kondusif.

- 1.2 Polisi Tiada Hadiah (selepas ini disebut sebagai Polisi) dibangunkan sebagai garis panduan kepada semua warga kerja LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya (selepas ini disebut Kumpulan) yang berurusan dengan pihak luar mengenai pemberian dan penerimaan hadiah/tajaan dalam melaksanakan urusan rasmi dengan penuh integriti seterusnya meningkatkan imej LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya.

## 2.0 OBJEKTIF POLISI

- 2.1 Polisi ini bertujuan untuk:-

- Mempromosikan standard amalan korporat yang baik.
- Memberi panduan kepada pegawai atau kakitangan Kumpulan berkaitan dengan pemberian dan penerimaan hadiah sama ada ketika menjalankan tugas rasmi mahupun di luar waktu tugas rasmi.

|                                                                                   |                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
|  | <b>POLISI TIADA HADIAH</b> |
| No. Dokumen                                                                       | LRT/IGU/0320/PPH(1.0)      |
| Tarikh Berkuatkuasa                                                               | 11 JANUARI 2021            |
| Tarikh Semakan                                                                    | N/A                        |

- c) Memberi peringatan/amaran kepada pihak yang berurusan dengan Kumpulan seperti pembekal atau kontraktor agar tidak memberikan hadiah kepada mana-mana pegawai atau kakitangan Kumpulan yang berurusan dengan mereka.

### 3.0 PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja LRTSB dan Kumpulan Syarikatnya (selepas ini disebut Kumpulan). Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga/fasiliti Kumpulan.

### 4.0 TAKRIFAN HADIAH

- 4.1 Apa-apa benda yang bernilai yang diberi kepada atau diterima oleh pegawai itu, suami/isteri atau saudara atau sekutu (rujuk tafsiran “saudara” dan “sekutu” di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) bagi pihaknya daripada mana-mana orang, dengan tiada balasan (without consideration) atau balasan yang diketahui oleh pegawai itu tidak mencukupi ataupun mencukupi.

- 4.2 Hadiah termasuk perkara-perkara berikut:

- |                                   |                     |
|-----------------------------------|---------------------|
| ♣ Wang Tunai                      | ♣ Tambang percuma   |
| ♣ Harta alih dan harta tidak alih | ♣ Saham             |
| ♣ Kenderaan                       | ♣ Tiket loteri      |
| ♣ Kemudahan perjalanan            | ♣ Hiburan           |
| ♣ Perkhidmatan                    | ♣ Diskaun           |
| ♣ Keahlian kelab                  | ♣ Komisen           |
| ♣ Hamper                          | ♣ Perhiasan         |
| ♣ Barang kemas                    | ♣ Apa-apa pemberian |
| ♣ Cenderamata                     |                     |

|                                                                                   |                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
|  | <b>POLISI TIADA HADIAH</b> |
| No. Dokumen                                                                       | LRT/IGU/0320/PPH(1.0)      |
| Tarikh Berkuatkuasa                                                               | 11 JANUARI 2021            |
| Tarikh Semakan                                                                    | N/A                        |

- 4.3 Takrifan suapan (rasuah) di bawah seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 merujuk wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpamanya.

## **5.0 LARANGAN PEMBERIAN DAN PENERIMAAN HADIAH**

- 5.1 Amalan menerima dan memberi hadiah dengan pelbagai tujuan seperti tanda penghargaan, meraikan atau mengeratkan persahabatan dan persaudaraan telah menjadi budaya dalam masyarakat yang amat sukar dibendung terutamanya pada musim perayaan dan majlis keramaian. Namun demikian, ia boleh menjadi amalan yang tidak baik dan berkemungkinan menjurus kepada penyalahgunaan kuasa yang diinterpretasikan sebagai rasuah sekiranya pemberian tersebut dilakukan untuk tujuan mendapatkan sesuatu balasan, ganjaran, keistimewaan, keuntungan, perkhidmatan daripada pihak yang berkaitan dengan tugas atau urusan rasminya dan sebagainya.
- 5.2 Warga kerja Kumpulan dilarang menerima atau memberi apa-apa hadiah sekiranya:
- berkaitan dengan tugas awamnya; dan / atau
  - bentuk, amaun dan nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah, di mana nilai semasa hadiah (dalam bentuk wang) melebihi RM500.00.

## **6.0 TINDAKAN TERHADAP PENERIMAAN HADIAH**

- 6.1 Dalam keadaan di mana pegawai atau kakitangan telah menerima hadiah, pegawai atau kakitangan perlu melaporkan kepada Unit Integriti dengan mengambil tindakan berikut:
- Mengembalikan hadiah kepada pihak yang memberi hadiah melalui Ketua Jabatan atau Ketua Eksekutif; dan
  - Melengkapkan Borang Akuan Penerimaan Hadiah (Lampiran A) dan mengemukakan kepada Unit Integriti untuk tujuan pemantauan.
- 6.2 Sekiranya pihak yang memberi hadiah tidak mahu menerima semula hadiah tersebut; atau

Sekiranya pegawai atau kakitangan tidak mengetahui, tidak mengenali atau tidak boleh mengesahkan menghubungi pihak yang memberi hadiah maka pegawai atau kakitangan tersebut perlu mengambil tindakan berikut:

|                                                                                   |                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
|  | <b>POLISI TIADA HADIAH</b> |
| No. Dokumen                                                                       | LRT/IGU/0320/PPH(1.0)      |
| Tarikh Berkuatkuasa                                                               | 11 JANUARI 2021            |
| Tarikh Semakan                                                                    | N/A                        |

- a) Menyerahkan hadiah kepada Unit Integriti; dan
- b) Melengkapkan Borang Akuan Penerimaan Hadiah (Lampiran A) dan mengemukakan kepada Unit Integriti tujuan pemantauan dan untuk keputusan Ketua Eksekutif sama ada;
  - Membenarkan pegawai atau kakitangan menerima hadiah tersebut;
  - Membenarkan jabatan menyimpan hadiah tersebut;
  - Melupuskan hadiah tersebut mengikut kesesuaian.

## 7.0 KESALAHAN UNDANG-UNDANG

Pemberian dan penerimaan hadiah sama ada kurang atau lebih daripada nilai semasa hadiah boleh menjadi kesalahan di bawah undang-undang:

- 7.1 Sekiranya penerimaan atau permintaan hadiah tersebut secara atau dengan niat rasuah (*corruptly or with corrupt intention*) bahawa ia merupakan upah atau dorongan kepada pegawai atau kakitangan bagi melakukan atau tidak melakukan atau kerana telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ada kaitan dengan urusan prinsipal (Jabatan).
- 7.2 Sekiranya orang atau pihak yang memberi hadiah tersebut mempunyai hubungan kerja atau urusan rasmi dengan pegawai atau dengan seseorang pegawai atau kakitangan di bawah seliaan dan penerimaan tersebut bukan dengan niat suci hati (*not in good faith*) sebaliknya dengan niat jenayah (*mens rea*); atau
- 7.3 Sekiranya pegawai atau kakitangan mengetahui penerimaan hadiah tersebut dengan niat jenayah daripada orang atau pihak yang telah, atau sedang, atau mungkin ada kaitan dalam sebarang urusan rasmi yang telah dijalankan, atau yang akan dijalankan oleh pegawai atau kakitangan tersebut.

***Seksyen 16, 17, 20, 21, 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;***

## 8.0 CARTA ALIR

|                                                                                                                          |                            |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|
|  <b>Ladang Rakyat</b><br><i>Pejuang</i> | <b>POLISI TIADA HADIAH</b> |
| No. Dokumen                                                                                                              | LRT/IGU/0320/PPH(1.0)      |
| Tarikh Berkuatkuasa                                                                                                      | 11 JANUARI 2021            |
| Tarikh Semakan                                                                                                           | N/A                        |

